

Perkuat otak bina bangsa bertaraf dunia – Najib

UM-18/11/2006

KUALA LUMPUR 17 Nov. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, orang Melayu perlu memperkuat otak untuk memacu minda mereka supaya mampu menjadi bangsa bertaraf dunia.

Najib yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, otak adalah organ terpenting dalam tubuh badan dan minda Melayu boleh dimajukan dengan menggunakan organ itu.

Kata beliau, ramai terlupa dan menyangka wajah cantik, tubuh sasa dan badan sihat adalah segala-galanya untuk menjadi seorang yang hebat dan dipandang tinggi.

Oleh kerana mempunyai pemikiran seumpama itu, katanya, ramai di kalangan orang Melayu berlumba-lumba menyolek muka, mengempiskan perut dan menguatkan otot.

“Malangnya ramai yang terlupa terhadap organ terpenting dalam tubuh badan iaitu

otak. Maka sebenarnya otak wajarlah diperkuatkan dengan pemakanan khasiat,” katanya ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Najib memberikan beberapa contoh membuktikan individu dan masyarakat yang mempunyai minda hebat dapat menjadi masyarakat dan individu bertaraf dunia.

Beliau berkata, Switzerland adalah antara negara terkecil di Eropah tetapi menjadi antara negara paling kaya di dunia yang berjaya mengeluarkan barangan mewah terutama jam tangan ternama.

“Switzerland tidak mempunyai apa-apa hasil bumi tetapi dikagumi dunia kerana mengeluarkan barangan mewah seperti jam tangan. Semuanya ini kerana keupayaan minda yang ada pada masyarakat Switzerland,” katanya.

Tambah beliau, begitu juga dengan pemilik firma perisian komputer ternama,

Microsoft iaitu Bill Gates yang muncul sebagai orang terkaya di dunia kerana kebijaksanaannya menguasai bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Sehubungan itu, Najib menjelaskan, takrif memacu minda Melayu sebenarnya ialah mengasah dan mengasuh minda serta akal orang Melayu supaya berfikir dengan kerangka yang betul mengikut kaedah bersistematik dan berstrategi.

“Ini takrifan secara ilmiah, kalau hendak senang faham, kita nak ajar orang Melayu berfikir secara betul jika hendak menjadi berjaya. Gunakanlah akal secara maksimum untuk setiap kerja yang dibuat dalam kehidupan seharian,” katanya.

Menurut beliau, orang Melayu perlu mengubah pemahaman mereka dengan melatih pemikiran lateral, proaktif, positif dan pemikiran mulia.

“Kita perlu belajar untuk berfikir bagi merancang kehidupan, menjana kejayaan dan mencipta kegemilangan melalui ke-

upayaan minda yang semakin hebat,” jelasnya.

Najib turut menggariskan lima elemen pemacuan minda iaitu:

- Pemantapan kepemimpinan transformasi
- Bekerja sebagai satu pasukan atau jemaah
- Memperkasakan agenda Melayu
- Mempertahankan akidah
- Memacu minda generasi muda Melayu